

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 26 JUN 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 36

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1123-L5463
Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh [Gerik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengatasi masalah kekurangan pegawai dan Pembantu Pertanian di peringkat daerah (kawasan parlimen) dalam usaha memperkasakan pertanian dalam RMK-9 ini.
2. PR-1123-L4298
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan kajian Peguam Negara terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sama ada Kerajaan masih berpegang kepada janjinya untuk menubuhkan IPCMC bagi membentuk polis bertaraf dunia.
3. PR-1123-L5070
Datuk Haji Md. Alwi Bin Haji Che Ahmad [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Malaysia mempunyai kekuatan tentera darat, udara dan laut yang cukup kuat untuk mempertahankan kedaulatan kita dan menghadapi sebarang kemungkinan, memandangkan selalu sangat kita mendengar kapal terbang kita terhempas dan skuadran helikopter yang telah usang dan terlalu lama. Nyatakan langkah-langkah pemodenan ini.
4. PR-1123-L5331
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan merancang mewujudkan 'Ombudsman' supaya tuduhan oleh orang awam terhadap tindakan pentadbiran yang tidak adil boleh disiasat oleh satu badan yang bebas dan tindakan seterusnya dapat diambil dengan berkesan.

5. PR-1123-L4820
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapa polarisasi kaum berlaku di antara murid di sekolah kebangsaan sejak akhir-akhir ini dan adakah polarisasi kaum ini dibendung oleh guru-guru mereka. Sila jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh guru dan adakah langkah-langkah tersebut berjaya mengurangkan polarisasi kaum tersebut.
6. PR-1123-L5114
Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan secara terperinci mengenai pengaruh program hiburan realiti TV terhadap dasar dan konsep Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
7. PR-1123-L5439
Brig. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah neraca keseimbangan yang digunakan kepada syarikat berkaitan dengan Kerajaan (GLC), di antara harapan pelabur untuk mencatatkan keuntungan dan dalam masa yang sama hasrat Kerajaan yang menuntut supaya GLC turut menunaikan tanggungjawab sosial kepada rakyat.
8. PR-1123-L5136
Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk menjadikan Tok Bali sebagai pelabuhan pendaratan ikan laut dalam.
9. PR-1123-L4368
Datuk Astaman Bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini langkah-langkah untuk mengembalikan kecemerlangan universiti tempatan, khususnya Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia semenjak penurunan mendadak kedua-dua institusi tersebut di dalam senarai universiti terbaik dunia tahun 2005.
10. PR-1123-L5151
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
 - (a) langkah-langkah Kerajaan dalam usaha menghapuskan jurang pendapatan masyarakat luar bandar dan bandar dengan tumpuan kepada aktiviti ekonomi khasnya di daerah Kinabatangan; dan
 - (b) fungsi dan mekanisma pewujudan Lembaga Pembangunan Wilayah Sabah ke arah memastikan pembangunan menyeluruh kawasan luar bandar.

11. PR-1123-L5002
Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai 5 syarikat terbesar di mana KWSP melabur sejak 5 tahun lalu dan nyatakan jumlah pelaburan serta jumlah pulangan (dividen) dari tiap-tiap syarikat berkenaan dan apakah langkah jangka panjang KWSP untuk meningkatkan lagi pulangan dari pelaburan yang dibuat bagi menjamin kepentingan pencarum-pencarumnya.
12. PR-1123-L5191
Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan jalan raya dan lebuh raya adalah selamat digunakan oleh semua kenderaan dan juga pengguna yang berjalan kaki.
13. PR-1123-L4202
Dato' Wan Adnan Bin Wan Mamat [Indera Mahkota] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah benar laporan media luar negara bahawa perolehan peralatan teknologi canggih ketenteraan Malaysia akan membawa kepada pembangunan satu sistem pertahanan yang terbaik di rantau Asia Tenggara sehingga mengalahkan Singapura, dan sama ada ianya dilihat sebagai satu perlumbaan senjata (arms race) di antara kedua-dua negara.
14. PR-1123-L4672
Tuan Mohd. Yusop Bin Majid [Setiu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rasional kepada syarat-syarat yang ditetapkan bahawa bagi tujuan menyambung lesen PKK bagi kontraktor kelas 'F' hendaklah mempunyai wang tunai sebanyak RM30,000.00 dan bukannya ia menjadi satu beban kepada sesetengah daripada mereka.
15. PR-1123-L4419
Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dengan pertumbuhan dan kenaikan taraf Maktab-maktab Perguruan kepada Institut, adakah program-program Sarjana Muda (Bsc) Sains dengan Pendidikan, Sarjana Muda (Bsc) Kejuruteraan dengan Pendidikan, Sarjana Muda (Bsc) Kaunseling dengan Pendidikan dan UPSI akan ditutup, apakah jaminan Kementerian mengenai kualiti perguruan kita sekiranya fakulti-fakulti pendidikan di IPTA ditutup nanti.
16. PR-1123-L5509
Tengku Razaleigh Bin Tengku Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kemajuan yang dicapai sejak dilaksana Dasar Meritokrasi dalam pengambilan pelajar-pelajar untuk kursus kritikal berbanding dengan tahun-tahun sebelum dasar ini diperkenalkan dan sila berikan statistik mengenai kedudukan ini.

17. PR-1123-L5497
Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sementara menunggu kesan positif pelaksanaan koridor pembangunan di Sabah dan Sarawak dalam RMK-9 untuk meyelaraskan pembangunan wilayah seimbang, apakah langkah-langkah telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengurangkan impak negatif hidup harian khususnya bagi mereka yang miskin berikutan harga barangan naik dengan lebih tinggi.
18. PR-1123-L4431
Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana pencapaian atlit-atlit negara kita di dalam dan luar negara dan adakah penganjuran SUKMA melahirkan atlit-atlit yang berpotensi di masa hadapan. Apakah perancangan Kementerian dalam memajukan bidang kesukanan.
19. PR-1123-L4868
Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan penyiasatan penyelewengan dan kegiatan rasuah yang mengakibatkan kerugian besar kilang besi Perwaja.
20. PR-1123-L4271
Datuk Haji Mohd. Razali Bin Che Mamat [Kuala Krai] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah rasionalnya pengurangan rizab tenaga sebanyak 20% kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan adakah pengurangan ini benar-benar dapat menjamin TNB daripada muflis.
21. PR-1123-L4671
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah sumbangan utama Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC).
22. PR-1123-L4227
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) mengapa Kementerian mengambil masa begitu lama untuk memenuhi keperluan kelengkapan logistik di peringkat polis daerah khususnya di daerah Johor Bharu; dan

(b) apakah langkah-langkah drastik untuk menangani jenayah ragut yang masih berleluasa.
23. PR-1123-L4845
Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk mendapatkan persetujuan Parlimen terhadap butiran penting Perjanjian Perdagangan Bebas dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral) yang ditandatangani oleh negara bagi memastikan ketelusan dan kepentingan negara sentiasa terjaga. Jika tidak, kenapa.

24. PR-1123-L4287
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah dan bilakah Kementerian bercadang untuk membina Hospital Universiti Malaysia Sabah bagi kemudahan para pelajar bidang perubatan di universiti tersebut.
25. PR-1123-L4802
Tuan Nasaruddin Bin Hashim [Parit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bilangan kekosongan guru opsyen bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar di seluruh negara; dan
 - (b) apakah tindakan-tindakan pihak Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.
26. PR-1123-L4240
Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah pengawal-pengawal keselamatan (Security Guard) dibenarkan memakai pakaian seragam yang hampir mirip diguna pakai oleh pasukan PDRM.
27. PR-1123-L4452
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan mencegah ketagihan rokok. Bagaimanakah remaja dapat dibendung dari penagihan ini sedangkan mereka dilindungi oleh Akta Kanak-kanak.
28. PR-1123-L4956
Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Kementerian dalam memantau pembangunan di lereng-lereng bukit di seluruh negara. Apakah kaedah penyelarasan yang diguna pakai oleh pihak Kementerian berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan berkaitan.
29. PR-1123-L5258
Tuan Haji Abdul Fatah Bin Haji Harun [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setakat ini, berapakah jumlah pelatih PLKN yang telah tamat latihan mereka dan berapakah kos perbelanjaan setakat ini. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula masalah-masalah yang timbul dan keperluan-keperluan baru dalam sistem latihannya.
30. PR-1123-L5078
Tuan Syed Hood Bin Syed Edros Alhaj [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghadkan Pengarah Kastam Negeri Melaka kepada Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam kerana beliau telah membuat satu kenyataan berkaitan seorang ahli Parlimen tanpa kebenaran Menteri yang jelas bertentangan dengan Perintah-perintah Am Bab D, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, perkara ke-19 membuat pernyataan awam.

31. PR-1123-L4284
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melahirkan Usahawan Melayu yang berjaya di dalam Industri Hiliran yang berasaskan getah dan kelapa sawit.
32. PR-1123-L4556
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada 2,300 projek-projek yang dilaporkan tidak disiapkan di bawah RMK8, berapakah kes yang terbengkalai, dilanjutkan tempoh serta perbelanjaan tambahan yang dikenakan. Sila nyatakan 10 projek yang perbelanjaan tambahan tertinggi diperlukan bagi menyiapkannya.
33. PR-1123-L5422
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan program Belia Tani dan Belia Niaga yang dianjurkan oleh Kementerian dapat mengatasi masalah pengangguran dan dapat membina kerjaya belia.
34. PR-1123-L5064
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah yang teratur untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar khususnya kawasan pinggir laut memandangkan pembangunan yang semakin pesat di kawasan Gelang Patah (Pelabuhan Tanjung Pelepas).
35. PR-1123-L4725
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai anggota keselamatan ditempatkan di bahagian Sandakan dan:-
- (a) memandangkan bahagian Sandakan begitu luas, pantai dan lautnya terdedah kepada bahaya, adakah jumlah itu mencukupi; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian bercadang menempatkan Pasukan Keselamatan di kawasan Semawang dalam Parlimen Libaran.
36. PR-1123-L5318
Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkhidmatan khas yang telah diberi oleh Kerajaan kepada kaum Penan di kawasan Belaga, Sarawak. Adakah beliau sedar bahawa mereka ini terpinggir dan serba ketinggalan dari mendapat pelbagai perkhidmatan Kerajaan misalnya pelajaran, kesihatan, pendaftaran nasional dan pendaftaran sebagai pengundi. Apakah langkah yang akan diambil untuk membantu kaum Penan ini oleh Kerajaan.

37. PR-1123-L5040
Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan pihak Kerajaan melalui Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sedang melaksanakan projek menaik taraf sistem pengangkutan keretapi di Sabah khususnya di kawasan Papar. Apakah perancangan pihak Kementerian dalam perkara ini khususnya perancangan untuk menaik taraf kawasan-kawasan yang ada kaitan dengan aktiviti pelancongan.
38. PR-1123-L4649
Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu golongan minoriti Bumiputera di Sarawak dan Sabah untuk memajukan tanah adat mereka.
39. PR-1123-L4299
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah peluang Kementerian untuk menyaman kontraktor bangunan MATRADE PISB kerana telah dijual kepada pihak lain serta apakah peluang untuk mendapatkan ganti rugi daripada pemilik baru syarikat tersebut kerana pemilik baru membeli dengan segala tanggungan.
40. PR-1123-L5219
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1997 serta adakah program pemulihan selama 2 tahun di Pusat Serenti gagal untuk memulihkan penagih. Adakah ia memberi kesan terhadap golongan sasaran ini.
41. PR-1123-L4831
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap pihak polis yang menentang cadangan penubuhan IPCMC dengan mengugut akan membalas dendam termasuk membiarkan kadar jenayah meningkat dan menyokong parti-parti pembangkang.
42. PR-1123-L4937
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) lesen peniaga bahan terpakai dan lusuh yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia di setiap kategori; dan
 - (b) jumlah kes kecurian bahan besi, tembaga, aluminium yang dilaporkan dan bilangan pesalah yang disabitkan kes kecurian bahan tersebut, bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini.

43. PR-1123-L4710
Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian sedar kontraktor yang dilantik untuk membina beberapa struktur kemudahan asas di Pulau Sipadan telah merosakkan hidupan laut yang telah wujud semenjak ribuan tahun dan tidak akan dapat diganti dalam masa terdekat. Apakah tindakan Kementerian ke atas kontraktor berkenaan yang dilaporkan melanggar syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak.
44. PR-1123-L4562
Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria seseorang pengamal perubatan diiktiraf sebagai Pakar. Adakah Kementerian memantau kesahihan sebilangan pengamal terutama di kalangan pengamal perubatan swasta yang meletakkan diri mereka sebagai pakar.
45. PR-1123-L4340
Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah papan tanda tunjuk arah yang dipasang di lebuh raya bersifat mesra pelancong.
46. PR-1123-L5378
Datuk Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) apakah rasional Labuan dan Langkawi memerlukan AP untuk mengimport kereta-kereta mewah sedangkan kedua-dua pulau tersebut berstatuskan Pulau Bebas Cukai; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan polisi yang sudah lapuk tersebut.
47. PR-1123-L5173
Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk mengurangkan implikasi negatif terhadap ekonomi rakyat sebagai kesan langsung daripada kenaikan harga minyak global dan kemerosotan nilai mata wang Dollar Amerika (USD) sebagai mata wang perdagangan dunia.
48. PR-1123-L4760
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah filem tempatan dan luar negara mengikut bahasa dan negara yang telah diharamkan daripada ditayangkan sejak tahun 2001. Mengapakah ia diharamkan penayangannya.

49. PR-1123-L4790
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah pandangan Kementerian terhadap perkembangan Dolar Eropah (Euro) setanding dengan Dolar Amerika (US Dollar) dalam sistem kewangan antarabangsa; dan
 - (b) sama ada pihak Kerajaan akan mencadangkan untuk mewujudkan mata wang Asia (Asia Currency) untuk mengukuhkan sistem kewangan di Benua Asia.
50. PR-1123-L5211
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah syarikat pengangkutan yang berhak menerima rebate atas diesel yang digunakan. Di antaranya berapa yang masih belum menerima kad-kad yang dikeluarkan oleh Kementerian untuk menerima rebate. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan proses pengeluaran kad-kad rebate itu.
51. PR-1123-L4982
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa banyakkah anak-anak Sabah khususnya bumiputera Kadazan-dusun yang telah diterima sebagai anggota dalam tahun 2004, 2005 dan 2006 dalam tentera darat dan laut.
52. PR-1123-L5479
Ir. Hasni Bin Haji Mohammad [Pontian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kekangan yang dihadapi oleh Kementerian untuk bersaing dengan negara seperti Thailand dalam bidang pengeluaran buah-buahan dan bunga-bunga sebagai contoh.
53. PR-1123-L4606
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilangan jururawat yang bersara pada tahun 2005; dan
 - (b) bilangan lepasan jururawat terlatih daripada Maktab Kejururawatan di seluruh negara pada tempoh yang sama.
54. PR-1123-L4740
Dato' Dr Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat memajukan kawasan-kawasan tanah tinggi seperti Gunung Jerai dan Bukit Maxwell sebagai destinasi pelancongan alternatif.

55. PR-1123-L4536
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan ombudsman untuk memantau prestasi kerja, meneliti aduan serta mengekang penyalahgunaan kuasa setiap agensi Kerajaan. Jika ya, bagaimana mekanisme ini dapat diwujudkan.
56. PR-1123-L4418
Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki prestasi pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah di luar bandar.
57. PR-1123-L4262
Tuan Haji Fadillah Bin Yusof [Petra Jaya] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bahawa Kementerian mengaku mekanisme pemantauan gula daripada diseludup ke negara jiran tidak berkesan. Apakah kelemahan mekanisme pemantauan yang mereka praktikkan dan apakah usaha Kementerian untuk menguatkuasakan lagi pemantauan dan peraturan agar isu kekurangan gula di negara kita akibat bekalan gula terbolos ke sempadan negara dapat dibendung dan diatasi.
58. PR-1123-L4492
Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa Kementerian telah mengambil tindakan terhadap pengimportan bahan-bahan Herba yang mengandungi "toxic" yang tinggi. Sejauh mana tindakan Biro Kawalan Farmaseutikal Nasional (NPCB-"Health Ministry's National Pharmaceutical Control Bureau) terhadap pengawalan bahan-bahan herba seperti 'Magnolia Officinalis' dan 'Hydrastis Canadensis'.
59. PR-1123-L5025
Datuk Ismail Bin Abd. Mutalib [Maran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapakah akhir-akhir ini semakin banyak projek-projek yang dilaksanakan termasuk bangunan dan jalan raya yang tidak mempunyai kualiti, lewat dan merugikan Kerajaan. Apakah kedudukan Institusi Latihan Kerja Raya (IKRAM) dan apakah peranan badan ini dalam menjalankan kajian dan latihan bagi membantu Kerajaan mengatasi masalah di atas.
60. PR-1123-L4454
Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kebaikan dan keburukan "Nikah Misyar" dan apakah peranan JAKIM dalam perkara ini.
61. PR-1123-L4611
Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Kementerian berfungsi dengan lebih berkesan dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar.

62. PR-1123-L4400
Dato' Mohd Sarit Bin Haji Yusoh [Temerloh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah status pelaksanaan Sistem Maklumat Hospital Menyeluruh (Total Hospital Information System) (THIS) atau Hospital Tanpa Kertas (Paperless Hospital) di beberapa buah hospital Kerajaan iaitu sebagai projek pemandu (pilot); dan
 - (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi dan langkah-langkah bagi mengatasinya.
63. PR-1123-L5226
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keadaan inflasi selepas kenaikan harga minyak dan tarif elektrik. Apakah keberkesanan penguatkuasaan beliau dan bilangan anggota untuk mencegah kenaikan harga barangan dengan sewenang-wenangnya.
64. PR-1123-L4996
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah justifikasi yang digunakan Kementerian apabila menahan tiga orang remaja di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada bulan Mei yang lalu; dan
 - (b) adakah wajar bagi pihak polis menahan tanpa bicara seorang remaja.
65. PR-1123-L4516
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kematian dan kecederaan kemalangan jalan raya menjelang lima bulan pertama dalam tahun 2006 dan nyatakan mengikut kategori langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan jumlah kemalangan.
66. PR-1123-L5289
Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang akan dibina daripada 180 buah sekolah rendah yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.
67. PR-1123-L4189
Dato' Razali Bin Ismail [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status semasa Universiti Darul Iman Malaysia, berapakah peruntukan yang telah diberi dan apakah fokus pengajian di universiti tersebut.

68. PR-1123-L5095
Tuan Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah projek melebar dan meluruskan jalan dari Segamat ke Tangkak tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, padahal ianya adalah projek keutamaan Jabatan Kerja Raya Johor.
69. PR-1123-L4384
Dr. Muhamad Shahrum Bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah kes salah guna visa pengajian oleh warga asing semakin meningkat. Apakah mekanisme yang diwujudkan di peringkat Kementerian, bagi tujuan pemantauan dan pemastian untuk mengesan permohonan warga asing yang belajar di Malaysia menerusi IPTA dan IPTS negara ini.
70. PR-1123-L5340
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komposisi kaum di Sabah setakat Mac 2006.
71. PR-1123-L4897
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan peranan Penjana Kuasa Bebas 'Independent Power Producers' (IPP) dalam bekalan elektrik dan adakah ia merupakan salah satu faktor dalam kenaikan tarif elektrik baru-baru ini. Nyatakan kandungan kontrak dengan IPP bagi aspek bayaran, tempoh konsesi dan lain-lain konsesi yang dinikmati oleh IPP.
72. PR-1123-L5426
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memperkenalkan dan menarik minat generasi muda dalam pengetahuan sains, teknologi dan inovasi terutamanya di kawasan luar bandar untuk menceburi dan mempelajari bidang ini.
73. PR-1123-L5445
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada suatu laporan polis telah pun dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif KL Rehkraj berkenaan dengan gangguan dalam perlaksanaan tugas-tugas kehakiman beliau. Sekiranya ya, berikan butir-butir mengenai laporan tersebut dan tindakan susulan yang telah pun diambil oleh pihak polis.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan)
2006

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---------------------|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 10/2006) | Rang Undang-undang Lembaga Lada
Malaysia 2006 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 28/2005) | Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan
Malaysia (Pindaan) 2005 | “ |
| 3. | (D.R. 1/2006) | Rang Undang-undang Kilang dan Jentera
(Pindaan) 2006 | “ |
| 4. | (i) (D.R. 15/2004) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan
(Pindaan) 2004 | “ |
| | (ii) (D.R. 16/2004) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2004 | “ |

DAN

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad) akan mencadangkan:-

“Bahawa Laporan yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 20 Julai 2004, untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR 1 Tahun 2006 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

5. **Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Kota Baharu untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Majlis Akhbar Malaysia 2006.”

6. PR-1123-U4333

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh Angkatan Relawan Negara atau RELA amatlah besar dalam memastikan keselamatan kampung-kampung dan persekitarannya dan mengambil maklum bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menubuhkan lebih banyak lagi Platon Rela di seluruh negara. Ini tentu sekali akan memerlukan perbelanjaan yang besar bagi pakaian seragam iaitu menjangkau sebanyak RM338.00 bagi setiap seorang anggota dan mengambil maklum bahawa sekiranya dalam sebuah kawasan Parlimen memiliki 10 Platon RELA dengan keanggotaan seramai 30 setiap Platon, ini menjadikan jumlah anggota dalam kawasan adalah seramai 300 anggota dan jumlah kos pakaian adalah sebanyak RM101,400.00. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan Dana Khas bagi pembekalan pakaian seragam anggota RELA di seluruh negara dan dengan ini peruntukan wakil rakyat dapat disalurkan khas bagi tujuan pembangunan kawasan."

7. PR-1123-U4336

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam mempertingkatkan lagi mutu pendidikan tinggi negara amatlah besar dan mengambil maklum bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan pertanian sebagai asas utama pembangunan ekonomi negara seperti mana yang digariskan dalam RMK-9 dan mengambil maklum bahawa selaras cadangan penubuhan sekolah berasaskan pertanian yang menawarkan Diploma oleh Universiti Malaysia Sabah. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil alih Pusat Latihan Bersepadu (IATC) pertanian yang terletak di Putatan."

8. PR-1123-U4337

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa negara Malaysia kaya dengan kesenian terutama sekali dari jenis alat-alat bunyian dari seluruh kaum dan kumpulan etnik di Malaysia dan mengambil maklum bahawa semua jenis alat-alat muzik ini misalnya Kulintangan, Gong, Gambus dan lain-lain lagi mempunyai keunikan bunyinya sendiri. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjalankan kajian terperinci bagi tujuan untuk memajukan dan memantapkan nilai komersial alat-alat bunyian ini dan dapat dipermodenkan untuk dijadikan produk muzik negara untuk tujuan dikomersialkan di luar negara."

9. PR-1123-U4453

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak dengan seriusnya supaya satu siasatan akan dijalankan oleh pihak Kerajaan terhadap kesangsian penukaran Mykad daripada kad pengenalan dahulu yang menggunakan surat pengakuan sebagai dokumen asas untuk mendapatkan kad pengenalan tersebut dan siasatan kepada Jabatan Pendaftaran Sabah terhadap pengeluaran Sijil Kelahiran yang tidak menghiraukan kewarganegaraan ibu bapa serta kad pengenalan dahulu dengan no. siri H 05 dan sebagainya."

10. PR-1123-U4526

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengarahkan Kerajaan supaya mengimplimentasikan satu kaedah terbuka supaya semua harta benda yang diperolehi oleh semua Anggota dan kakitangan Kerajaan termasuk setiap ahli keluarga diisytiharkan secara terus di khalayak ramai dan Badan Pencegah Rasuah hendaklah meneliti pemerolehan harta benda ini dan membuat satu laporan kepada Parlimen setiap tahun."

11. PR-1123-U5253

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membahaskan permasalahan tanah runtuh, punca-punca bukit dimusnahkan dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang terhadap orang-orang yang bersabit kesalahan. Dewan juga hendak mengetahui tindakan efektif Kerajaan tentang bencana Highland Towers pada 1993, Taman Hill View 2002 dan Kampung Pasir, Hulu Klang, 2006."

12. PR-1123-U5255

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini memperbincangkan setakat mana Kerajaan telah melaksanakan 125 syor Laporan Suruhanjaya Polis, termasuk IPCMC. Apakah langkah baru PDRM untuk menuju sasaran pasukan berkelas dunia."

13. PR-1123-U5358

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

14. PR-1123-U5360

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

15. PR-1123-U5362

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar-semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

16. PR-1123-U5364

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

17. PR-1123-U5365

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

18. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Yang Di Pertua Dewan Rakyat telah silap dengan keputusannya dengan tidak mengemukakan penyata khas Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu Kertas Dewan Rakyat DR 9. Tahun 2005 pada 11.5.2006 yang lalu untuk dibahaskan.

Usul tersebut melibatkan pindaan serius yang memerlukan perbahasan yang mendalam serta penjelasan daripada pihak Kerajaan. Pindaan kepada Peraturan Majlis Mesyuarat yang dikemukakan di dalam Dewan sebelum ini ada dibuka untuk perbahasan Ahli-ahli.

Kegagalan pindaan dikemukakan untuk dibahas akan menimbulkan kesan yang serius di masa kelak semasa perjalanan mesyuarat, terutamanya semasa Ahli-ahli Parlimen (DR) memainkan peranannya membangkitkan hal ehwal kawasan masing-masing. Kekaburan pindaan turut akan menyebabkan salah tafsir untuk pemakaiannya semasa perjalanan Mesyuarat.

Oleh itu, keputusan Yang Di Pertua perlu diulangkaji semula.”

UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan Dibuat	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
26.6.2006 (Isnin)	1. YB. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)	1. Keingkaran, ketidak- disiplinan serta cabaran polis terhadap Kabinet Kerajaan dan demokrasi berparlimen.	1. YB. Menteri Keselamatan Dalam Negeri
26.6.2006 (Isnin)	2. YB. Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu)	2. Daya saing Malaysia dan cabaran karenah birokrasi.	2. YB. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Bagi Tahun 2004.	3 April 2006
ST.96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	9 Mei 2006
ST.29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bagi Tahun 2004.	26 Jun 2006
ST.118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	26 Jun 2006
ST.122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2003.	26 Jun 2006
ST.123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka Bagi Tahun 2004.	26 Jun 2006